

Lebih 92 peratus penduduk Bukit Malut warganegara, pengundi sah

Penempatan dihuni masyarakat Melayu Islam Kedah bukan etnik Rohingya

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Langkawi: Bancian pihak berkuasa mendapati lebih 92 peratus daripada kira-kira 5,000 penduduk di Bukit Malut, di sini memiliki status warganegara Malaysia dan berdaftar sebagai pengundi sah.

Pensyarah Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Mohd Na'eim Ajis, berkata penduduk Bukit Malut adalah masyarakat Melayu Islam Kedah (MIK) yang wujud sejak zaman Kerajaan Kedah Tua.

Katanya, empayar Kerajaan Kedah Tua melebar sehingga ke kawasan Tanah Sari di selatan Myanmar dan mereka juga dikenali sebagai masyarakat Melayu Burma.

"Zaman Perang Dunia Kedua, kira-kira 70,000 rakyat Tanah Melayu dibawa ke Burma (kini Myanmar) membina landasan kereta api maut.

"Ada antara mereka berjaya melarikan diri daripada tentera Jepun dan berusaha balik ke negara ini.

"Mengikut rekod rasmi, masyarakat MIK mula tiba di Langkawi pada 1980 melalui laluan laut dan jalan darat di Bukit Kayu Hitam dan Sungai Golok sebelum jumlah mereka terus berkembang dari semasa ke semasa sehingga 2010.

"Mereka ini asalnya penduduk Tanah Melayu. Bukit Malut bukan penempatan atau lokasi pendaratan etnik Rohingya seperti sering diperkatakan," katanya ketika ditemui di Bukit Malut, semalam.

Kawasan Bukit Malut sering dikaitkan dengan pelbagai imej negatif, termasuk menjadi penempatan etnik Rohingya dianggarkan mencecah 15,000 orang sehingga membimbangkan penduduk asal pulau ini.

Wujud naratif tak betul

Mohd Na'eim berkata, wujud pelbagai naratif tidak betul disebarkan mengenai Bukit Malut, termasuk dakwaan ia kawasan jenayah dan dadah, namun realitinya rekod kes jenayah di situ terkawal sepanjang tempoh lima tahun ini.

Tegasnya, Bukit Malut adalah kawasan penempatan masyarakat MIK yang majoriti adalah warga Malaysia, bukannya etnik Rohingya.

"Kerajaan sepatutnya berusaha mengasimilasi penduduk Bukit Malut dengan masyarakat Melayu tempatan lain kerana mempunyai agama, budaya dan bahasa yang sama.

"Bancian pihak berkuasa mendapati lebih 92 peratus daripada 5,000 penduduk Bukit Malut



Penduduk Bukit Malut berketurunan Melayu wujud sejak zaman Kerajaan Kedah Tua.

(Foto BERNAMA)

mempunyai MyKad, bermakna mereka warga Malaysia, malah ada yang menjadi pengundi.

"Sebahagian daripada mereka daripada generasi kedua dan ketiga juga kini ada bertugas dalam sektor awam, termasuk menjadi guru, polis, tentera," katanya.

Berikutan itu, beliau meminta

lebih banyak program dianjurkan pihak luar, termasuk dalam kalangan pelajar universiti diadakan di Bukit Malut bagi tujuan pembinaan modal insan dan membantu pembelajaran anak penduduk.

Katanya, persepsi masyarakat luar mengenai Bukit Malut perlu

diperbetul kerana kawasan itu sebenarnya selamat dimasuki sesiapa sahaja.

"Penduduk di sini rajin dan mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang perikanan. Kerajaan sepatutnya memanfaatkan keupayaan mereka itu.

"Mereka ini generasi ketiga dan keempat, bermakna masyarakat MIK sudah berada di Langkawi lebih 40 tahun. Isu yang dibawa, adakah mereka menjadi ancaman atau naratif ini sengaja dicipta pihak tertentu?

"Disebabkan itu, tidak adil untuk rakyat Malaysia mencipta persepsi kepada masyarakat MIK kerana asal nenek moyang mereka dari Tanah Melayu, terutama Kedah, Pulau Pinang dan Perlis," katanya.

Penduduk di sini rajin dan mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang perikanan. Kerajaan sepatutnya memanfaatkan keupayaan mereka

Mohd Na'eim Ajis,
Pensyarah Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, UUM

